

19/12/2001

Misuari minta suaka politik sementara (HL)

KUALA LUMPUR, Selasa - Peguam Nur Misuari hari ini menghantar surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memohon diberi suaka politik sementara kepada pemimpin Barisan Pembebasan Moro (MNLF) itu, sebelum dihantar ke negara ketiga.

Misuari yang menghadapi tuduhan pemberontakan di Manila, ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana cuba memasuki negara ini secara haram melalui perairan Sabah 24 November lalu selepas melancarkan pemberontakan yang gagal di selatan Filipina.

Peguamnya, Elly Pamatong memberitahu Reuters, beliau sudah menulis kepada Perdana Menteri memintanya memberi masa lagi berikutan tarikh akhir penghantaran pulang Misuari 24 Disember ini, semakin hampir.

"Peguam pemohon itu dengan hormatnya mengemukakan petisyen bagi suaka politik sementara," kata Pamatong dalam surat dialamatkan kepada pejabat Dr Mahathir dan salinannya difakskan kepada Reuters.

Pejabat Perdana Menteri tidak dapat dihubungi berikutan cuti umum Aidilfitri hari ini.

Dr Mahathir sebelum ini berkata, Malaysia sedia menghantar Misuari pulang atau menyerahkan kepada negara ketiga jika Manila enggan menerimanya.

Pamatong menyifatkan tindakan berlindung di negara ketiga adalah 'jalan keluar semula jadi' bagi Misuari dan enam pengikut yang ditahan bersamanya.

Kerajaan Malaysia berulang kali menegaskan Misuari tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah dan tidak boleh menahannya melebihi sebulan kerana kesalahan memasuki negara ini tanpa dokumen sah.

Dalam surat itu, Pamatong turut menggesa Dr Mahathir memberi lebih masa kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dianggotai Misuari sebagai pemerhati tetap, untuk membantu pemimpin kumpulan pemisah itu.

"Kita masih belum menemui negara yang sesuai untuknya, tetapi saya yakin ia bukan satu masalah besar untuk mencari di kalangan 57 negara anggota OIC," katanya.

Pamatong turut memohon kebenaran bagi kes Misuari itu didengar hakim dan memutuskan haknya mendapatkan suaka politik.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika dihubungi Berita Harian berkata, Malaysia tidak pasti apa yang menghalang Manila daripada mengambil semula Misuari.

"Saya tidak tahu apa yang menghalang mereka daripada mengambil beliau (Misuari). Dulu mereka (Filipina) memberi alasan pilihan raya (di Mindanao) belum selesai, tetapi hingga kini, saya sendiri tidak tahu," katanya.

Semalam, Presiden Gloria Macapagal Arroyo, meminta Malaysia terus menahan Misuari hingga selepas Krismas.

Pembantu Arroyo, Norberto Gonzales, dilaporkan sebagai berkata, beliau sudah membawa surat permintaan Filipina itu ke Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata, Wisma Putra setakat ini tidak menerima sebarang surat atau permintaan Manila mengenai perkara itu.

Ditanya sama ada Norberto akan menemui Dr Mahathir, Syed Hamid berkata:

"Buat masa ini, kita memberi tempoh sebulan untuk Manila mengambil Misuari pulang. Jadi, tidak timbul soal rundingan kerana soal penghantaran beliau kini adalah di peringkat pegawai dan bukan peringkat Perdana Menteri," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan Malaysia tidak akan bertindak atau memberi maklumbalas terutama mengenai tarikh penghantaran pulang Misuari kepada media massa.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Mohd Jamal Tamdy, yang ditanya mengenai tempoh 30 hari yang berakhir 24 Disember ini, berkata tarikh tahanan itu boleh dilanjutkan.

(END)